

07/05/2002

Majlis Peguam desak polis batal Ops Warta II

Munaarfah Abu Bakar; Junita Mat Rasid

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Peguam Malaysia (MPM) hari ini menggesa Ketua Polis Negara membatalkan serta merta Ops Warta II sehingga semua prosedur undang-undang berkaitan dipenuhi.

Majlis itu dalam kenyataannya, juga meminta polis menghentikan ugutan untuk mengenakan kompaun berganda dan menangkap pemandu yang gagal membayar saman lalu lintas.

Sehubungan itu, Pengerusinya, Mah Weng Kwai, mencadangkan polis mendapatkan nasihat Penasihat Undang-Undang di Kementerian Dalam Negeri atau Jabatan Peguam Negara bagi menangani kekeliruan mereka dalam mentafsir undang-undang berkaitan.

"Notis pemberitahuan mengenai kesalahan trafik dan arahan pembayaran kompaun tidak boleh dianggap sebagai saman dalam erti kata 'kes saman' mengikut Kanun Acara Jenayah.

"Polis perlu memohon Mahkamah Majistret untuk mengeluarkan saman terhadap pesalah trafik yang gagal membayar kompaun," katanya.

Beliau berkata, saman mahkamah itu juga perlu diserahkan kepada pesalah trafik mengikut peruntukan Seksyen 35 Kanun Acara Jenayah di mana pendakwa raya boleh memohon satu waran tangkap dari mahkamah jika pemandu itu gagal menghadiri perbicaraan pada hari yang ditetapkan.

Mah berkata, peruntukan dalam Seksyen 118 Akta Pengangkutan Jalan 1987 pula membenarkan polis menyerahkan notis kesalahan trafik melalui surat berdaftar.

"Jika penama terbabit gagal memenuhi notis berkenaan, dia bersalah dan kegagalan membayar kompaun itu membolehkan polis memohon satu saman dikeluarkan mahkamah, tetapi pesalah tidak boleh ditahan kerana tidak ada peruntukan dalam undang-undang untuk berbuat demikian," katanya.

Mah berkata, polis perlu menghormati undang-undang dan dilihat mentaati undang-undang oleh masyarakat.

Katanya, polis tidak boleh bertindak sembarangan kerana ia boleh dilihat sebagai menyalahgunakan kuasa, walaupun amaran menangkap pesalah trafik boleh menjadi cara mudah menyelesaikan kes notis kesalahan trafik tertunggak.

Beliau memuji Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim yang mengeluarkan kenyataan bagi menjelaskan isu itu.

Jumaat lalu, Rais berkata, bukan menjadi tanggungjawab pemandu untuk memeriksa sama ada mereka mempunyai saman yang belum dibayar kerana undang-undang memerlukan polis mengemukakan saman itu secara peribadi atau melalui surat berdaftar.

Sebelum berlepas ke Amerika Syarikat semalam pula, Rais berkata polis perlu menangguh tindakan terhadap pesalah trafik terbabit sehingga beberapa pindaan undang-undang berkaitan dibuat.

Sementara itu, Peguam Negara, Datuk Abdul Gani Patail dijangka memutuskan esok mengenai isu saman trafik itu yang mencetuskan kekeliruan dan bantahan pelbagai pihak kerana dikatakan bercanggah dengan undang-undang.

Pagi ini, Abdul Gani mengadakan perbincangan dengan Ketua Pasukan Trafik Bukit Aman, Datuk Ahmad Bahrin Idrus di pejabatnya di Putrajaya berhubung perkara itu.

Ketika dihubungi Abdul Gani bagaimanapun enggan mengulas hasil pertemuannya dengan Ahmad Bahrin, sebaliknya meminta wartawan menghubungi semula esok.

Difahamkan, Abdul Gani juga akan menyampaikan taklimat mengenai isu itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok.

Ahmad Bahrin ketika dihubungi pula berkata: "Saya serahkan perkara ini kepada Jabatan Peguam Negara untuk diselesaikan."

(END)